GERAK GEMPUR 2

# Zaman Air Batu

## BAHAGIAN A Soalan Objektif

*Jawab* **semua** *soalan.*

### 2.1 Dunia Kita

1 Istilah geologi diambil daripada bahasa Greek, iaitu *geo* dan *logia*. Perkataan *logia* membawa maksud ________. BUKU TEKS m.s. 26
A Bumi
B Sains
C Hidupan
D Purbakala

2 Rajah berikut berkaitan dengan pengkajian dalam bidang sejarah. BUKU TEKS m.s. 26

**Bidang X**
↓
Mengkaji organisma di bumi, sisa dan fosil.

Apakah **X**?
A Paleontologi
B Paleografi
C Monografi
D Epigrafi

3 Pelbagai perubahan telah dialami oleh bumi semenjak pembentukannya.
Pembentukan tersebut bermula sejak ________. BUKU TEKS m.s. 27
A 2.3 bilion tahun lalu
B 3.5 bilion tahun lalu
C 4.2 bilion tahun lalu
D 4.6 bilion tahun lalu

4 Apakah haiwan yang hidup semasa Zaman Pleistosen? BUKU TEKS m.s. 27
A *Woolly Mammoth*
B *Bison occidentalis*
C *Crinoid Stone-lily*
D *Coiled Cephalopod*

5 Antara berikut, apakah haiwan utama yang wujud di bumi sejak 18 000 tahun lalu? BUKU TEKS m.s. 28
I Kuda
II Gajah
III Ikan paus
IV Badak sumbu
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

6 Apakah peristiwa yang berlaku di bumi pada 94 juta tahun lalu? BUKU TEKS m.s. 28
A Kepupusan dinosaur
B Kewujudan kucing
C Kelahiran *sloth*
D Kemunculan *amfibia*

7 Bentuk fizikal bumi berubah menjadi daratan dan lautan. Apakah faktor yang mempengaruhi perubahan tersebut? BUKU TEKS m.s. 29
A Glasier
B Iklim
C Hujan
D Banjir

8 Maklumat berikut berkaitan dengan kewujudan lautan. BUKU TEKS m.s. 29

Kawasan air masin

Kawasan tersebut meliputi ________.
A 55 peratus bentuk muka bumi
B 69 peratus bentuk muka bumi
C 71 peratus bentuk muka bumi
D 81 peratus bentuk muka bumi

9 Apakah istilah yang sesuai digunakan dengan pernyataan berikut? BUKU TEKS m.s. 29

- Bahagian perairan laut yang menghala ke daratan.
- Kawasannya dibatasi oleh daratan.

A Selat
B Teluk
C Lembah
D Banjaran

### 2.2 Zaman Air Batu

10 Pernyataan berikut berkaitan dengan Zaman Air Batu.

Pembentukan penyebaran besar padang rumput dan savana.

Mengapakah fenomena ini berlaku? BUKU TEKS m.s. 30
I Penyejukan alam
II Penghijrahan haiwan
III Pembentukan sungai
IV Pengeringan bumi
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

11 Bilakah padang rumput dan savana terbentuk? BUKU TEKS m.s. 30
A Zaman Pleistosen
B Zaman Holosen
C Zaman Pliosen
D Zaman Miosen



LIVEWORKSHEETS

**12** Kawasan berikut wujud di Amerika Syarikat.

| |
|---|
| *Grand Canyon* |

Pembentukannya terjadi pada ________.

**A** Zaman Holosen
**B** Zaman Miosen
**C** Zaman Pliosen
**D** Zaman Plestosen

**13** Bagaimanakah suhu dunia antara 23 juta hingga 5 juta tahun lalu?

**A** Penyejukan global
**B** Panas dan kering
**C** Sejuk dan panas
**D** Sejuk dan beku

**14** Teori Milankovitch telah diperkenalkan oleh Milutin Milankovitch (1879 – 1958). Kandungan teori tersebut adalah berkaitan dengan ________.

**A** Kesan pusingan bulan
**B** Kesan pusingan bumi
**C** Kesan pemanasan air batu
**D** Kesan pengeringan air laut

**15** Pernyataan berikut berkaitan dengan proses pengglasieran.

| |
|---|
| Berlaku antara 2.5 juta hingga 10 000 tahun lalu |

Proses tersebut berlaku sebanyak ________.

**A** 8 kali
**B** 9 kali
**C** 10 kali
**D** 11 kali

**16** Penghijrahan manusia ke Australia berlaku sekitar 50 000 tahun yang lalu. Bilakah penghijrahan tersebut berlaku?

**A** Zaman Miosen
**B** Zaman Pliosen
**C** Zaman Holosen
**D** Zaman Pliestosen

**17** Rajah berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku pada Zaman Air Batu.

**Zaman X**
↓
Manusia mengetahui cara mendapatkan makanan.

Bagaimanakah makanan diperolehi?

**A** Melalui hasil hutan
**B** Melalui perburuan
**C** Melalui penanaman
**D** Melalui perdagangan

**18** Apakah tulisan yang terawal sekali dihasilkan oleh manusia?

**A** Kuneiform
**B** Ideogram
**C** Hieroglif
**D** Piktograf

## 2.3 Garis Masa Zaman Air Batu

**19** Gambar berikut berkaitan dengan hidupan Zaman Air batu.



Hidupan tersebut dikenal sebagai ________.

**A** *Hyracotherium*
**B** *Deinotherium*
**C** *Stegosaurus*
**D** *Dipterus*

**20** Hidupan berikut boleh ditemui semasa Zaman Air Batu.

| |
|---|
| *Trilobite* |
| *Eurypterids* |

Bilakah tempoh masa kewujudan hidupan tersebut?

**A** 200 juta tahun lalu
**B** 300 juta tahun lalu
**C** 400 juta tahun lalu
**D** 500 juta tahun lalu

## 2.4 Ciri-Ciri Zaman Air Batu

**21** Ahli sains berpendapat bahawa peningkatan suhu bumi berlaku pada setiap 50 tahun. Berapakah jumlah peningkatan tersebut?

**A** Enam darjah selsius
**B** Tujuh darjah selsius
**C** Lapan darjah selsius
**D** Sembilan darjah selsius

**22** Rajah berikut berkaitan dengan situasi yang berlaku pada Zaman Air Batu Akhir.

**Peristiwa X**
↓
Pengakhiran Zaman Air Batu Akhir.

Apakah peristiwa X?

**A** Peningkatan suhu
**B** Pembentukan tasik
**C** Pembentukan daratan
**D** Peningkatan penduduk

**23** Haiwan-haiwan berikut wujud pada Zaman Air Batu.

- Mamot berbulu
- Badak
- Singa

Apakah kawasan yang menjadi tumpuan haiwan tersebut?

**A** Gunung ganang
**B** Dataran tinggi
**C** Tanah pamah
**D** Kepulauan



LIVEWORKSHEETS

## 2.5 Perubahan Zaman Air Batu Akhir

**24** Bilakah berlakunya kepupusan haiwan berikut? BUKU TEKS ms. 36



Harimau Bertaring

**A** Zaman Holosen
**B** Zaman Pliosen
**C** Zaman Miosen
**D** Zaman Pleistosen

**25** Apakah faktor yang membawa kepada berlakunya peningkatan suhu bumi? BUKU TEKS ms. 37

**A** Pembuangan sampah
**B** Pencairan air batu
**C** Aliran air sungai
**D** Aktiviti radiasi

## 2.6 Kesan Perubahan Zaman Air Batu di Asia Tenggara

**26** Apakah yang menjadi tunjang kebenuaan di Asia Tenggara? BUKU TEKS ms. 38

**A** Laut China Selatan
**B** Pulau Sumatera
**C** Pentas Sunda
**D** Selat Melaka

**27** Apakah persamaan yang terdapat dalam kalangan masyarakat di Asia Tenggara? BUKU TEKS ms. 38

**A** Bahasa
**B** Pentadbiran
**C** Warna kulit
**D** Adat resam

**28** Keluasan Pentas Sunda melebihi 3.2 juta kilometer persegi. Antara negara yang terlibat adalah ________. BUKU TEKS ms. 38

**A** Kepulauan Sulu
**B** Taiwan
**C** Brunei
**D** Filipina

**29** Ciri-ciri berikut berkaitan dengan kesan perubahan Zaman Air Batu di Asia Tenggara. BUKU TEKS ms. 39

- Paras air laut menjadi rendah.
- Manusia boleh melalui daratan dengan berjalan kaki.

Bilakah ciri-ciri fizikal tersebut berlaku di Asia Tenggara?

**A** Zaman Miosen
**B** Zaman Holosen
**C** Zaman Pliosen
**D** Zaman Pleistosen

**30** Apakah haiwan yang mengalami kepupusan di Asia Tenggara semasa Zaman Holosen? BUKU TEKS ms. 39

**A** *Pachycrocuta*
**B** *Hyracotherium*
**C** *Bison occidentalis*
**D** *Woolly mammoth*



LIVEWORKSHEETS